

Gaji minimum: Najib minta MUTC jangan berpiket
Malaysiakini.com
Jun 19, 2007

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) – badan induk kesatuan bagi lapan juta pekerja sektor swasta di negara ini – supaya tidak mengadakan piket berhubung permohonan gaji minimum.

"Kami berharap mereka (MTUC) tidak akan mengadakannya tetapi terus mengadakan perbincangan dengan kerajaan kerana kita mempunyai pertimbangan tertentu yang perlu difikirkan.

"Terdapat banyak akibat timbul dengan gaji minimum tetapi terdapat amalan yang dilakukan industri misalnya industri memutuskan tahap gaji yang boleh diterima tetapi kita masih belum menerima pakai dasar gaji minimum di negara ini," katanya kepada pemberita.

Sebelum itu, Najib mengengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-Barang Perlu di Putrajaya hari ini, demikian menurut laporan Bernama.

Semalam, MTUC menyerahkan satu memorandum kepada Pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta kerajaan meminda Akta Pekerjaan 1955 bagi gaji minimum ditetapkan sebanyak RM900 dan tambahan RM300 sebagai Elaun Sara Hidup (COLA) kepada pekerja sektor swasta.

Presiden MTUC Syed Shahir Syed Mohamud berkata, MTUC memberikan tempoh seminggu kepada kerajaan memberi maklum balas yang positif terhadap permohonannya,

Jika tidak, kata beliau, MTUC akan mengadakan piket di beberapa tempat di negara ini.

MTUC bercadang mengadakan piket serentak di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Bangi, Shah Alam, Klang, Johor, Kuching dan Pulau Pinang pada Isnin mulai jam 5 hingga 6 petang.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/68798>